



MAKLUMAN

JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA PUTRAJAYA



PEMINDAHAN DAN PERGERAKAN BARANG KELUAR DARI PELABUHAN

1. Merujuk kepada Siaran Media yang dikeluarkan oleh Kementerian Pengangkutan pada 26 Mac 2020, sila ambil perhatian kepada perkara berikut.
2. Pelabuhan yang terlibat adalah Pelabuhan Klang, Pelabuhan Pulau Pinang dan Pelabuhan Johor di Pasir Gudang.
3. Semua jenis barang (*essential* dan *non-essential goods*) dibenarkan untuk dipunggah dan diangkut keluar dari pelabuhan bagi **tempoh tiga (3) hari** selama 24 jam sehari bermula pada **27 Mac 2020, jam 0001H hingga 29 Mac 2020, jam 2359H**.
4. Penolong Ketua Pengarah, Pengarah Operasi Zon Tengah, Pengarah Kastam Negeri Johor dan Pulau Pinang hendaklah memastikan bilangan pegawai yang mencukupi untuk pelepasan kastam dengan secepat mungkin tetapi dengan mengambil kira *risk assesment* yang wajar.
5. Pegawai-pegawai juga dinasihatkan supaya mematuhi langkah-langkah keselamatan kesihatan yang telah digariskan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia sebelum ini.

6. Selepas tempoh 3 hari tersebut, JKDM akan terus memproses borang seperti biasa **TETAPI** kebenaran dan permit untuk tujuan pergerakan dan penghantaran serta mengangkut barang-barang adalah dibawah bidang kuasa agensi/kementerian yang berkaitan seperti Kementerian Pengangkutan (MOT) dan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI).

Sekian, terima kasih.

###

DATO' SERI PADDY BIN ABD HALIM
KETUA PENGARAH KASTAM
MALAYSIA

26 MAC 2020